



PESTA SUKAN KEMENTERIAN KEWANGAN (PSKK) 2026

KALI KE-47

PERATURAN PERTANDINGAN

ACARA SUKAN:

FUTSAL

(LELAKI & WANITA)

1. PENGENALAN

1.1. Nama Pertandingan

- 1.1.1. Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Futsal (Lelaki) dan Futsal (Wanita) Pesta Sukan Kementerian Kewangan Kali Ke-47 Tahun 2026 (PSKK 2026) yang diselenggarakan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

1.2. Kategori Pertandingan

- 1.2.1. Pertandingan Futsal PSKK 2026 dipertandingkan dalam dua (2) acara seperti berikut:

No.	Acara
1.	Futsal Lelaki (L)
2.	Futsal Wanita (W)

2. PERATURAN UMUM

- 2.1. Selain daripada peraturan pertandingan ini, pertandingan ini adalah tertakluk kepada Peraturan Am Pesta Sukan Kementerian Kewangan Kali Ke-47 Tahun 2026 (PSKK 2026), undang-undang Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) dan Federation Internationale de Football Association (FIFA).
- 2.2. Sekiranya terdapat percanggahan antara Peraturan Pertandingan ini dengan Peraturan Am PSKK 2026, maka Peraturan Am PSKK 2026 hendaklah diguna pakai.

- 2.3. Sekiranya berlaku percanggahan tafsiran antara versi Bahasa Malaysia dengan mana-mana peraturan rasmi FIFA atau FAM, teks asal yang diterbitkan oleh FIFA atau FAM hendaklah dirujuk bagi tujuan tafsiran teknikal.
- 2.4. Sebarang perkara yang tidak diperuntukkan dalam Peraturan Pertandingan ini hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 dengan mengambil kira Peraturan Am PSKK 2026, undang-undang Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) dan Federation Internationale de Football Association (FIFA).
- 2.5. Permasalahan di luar jangka dan tidak dinyatakan dalam Peraturan Pertandingan dan Peraturan Am akan diputuskan oleh Jawatankuasa Khas Teknikal PSKK 2026 dan segala keputusan yang dibuat adalah muktamad.
- 2.6. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak mengeluarkan arahan, notis atau garis panduan dari semasa ke semasa bagi memastikan kelancaran pertandingan. Arahan tersebut hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada Peraturan Pertandingan ini.

3. TARIKH DAN TEMPAT PERTANDINGAN

3.1. Tarikh dan tempat pertandingan Futsal PSKK 2026 adalah seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 seperti berikut:

3.1.1. Futsal Lelaki

Tarikh	14 hingga 16 November 2026 (Sabtu - Isnin)
Tempat	Sportizza Shah Alam, Selangor

3.1.2. Futsal Wanita

Tarikh	18 hingga 19 November 2026 (Rabu - Khamis)
Tempat	Sportizza Shah Alam, Selangor

3.2. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak membuat pindaan terhadap tarikh, masa, tempat atau jadual pertandingan sekiranya perlu atas faktor keselamatan, teknikal, operasi atau sebab-sebab munasabah yang lain. Sebarang pindaan akan dimaklumkan kepada semua agensi dengan kadar segera.

4. PENDAFTARAN PEMAIN

4.1. Setiap pasukan hendaklah mendaftarkan bilangan pemain mengikut syarat penyertaan bagi setiap acara sukan. Bilangan pemain, pemain simpanan, Pengurus Pasukan dan Jurulatih yang dibenarkan adalah seperti yang diperincikan dalam jadual bagi setiap acara.

- 4.1.1. Semua pemain, Pengurus Pasukan dan Jurulatih hendaklah memenuhi syarat penyertaan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan Am PSKK 2026.

No.	Kategori	Pemain	Simpanan	Pengurus	Jurulatih
1.	Futsal Lelaki	5	7	1	1
2.	Futsal Wanita	5	7	1	1

- 4.2. Hanya pemain yang berdaftar dan disahkan kelayakannya oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 dibenarkan menyertai pertandingan. Mana-mana pasukan yang didapati menurunkan pemain yang tidak layak atau tidak berdaftar boleh dikenakan tindakan termasuk pembatalan penyertaan, tertakluk kepada Peraturan Am PSKK 2026.
- 4.3. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak pada bila-bila masa mengesahkan identiti dan kelayakan mana-mana pemain sebelum, semasa atau selepas sesuatu perlawanan berlangsung.
- 4.4. Bagi setiap pasukan yang bertanding, setiap perlawanan hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:
- 4.4.1. Setiap pasukan diwajibkan memastikan sekurang-kurangnya satu (1) orang pemain veteran atau pegawai berada di dalam gelanggang sepanjang tempoh perlawanan yang sedang berlangsung. Pemain veteran atau pegawai ini akan ditandakan menggunakan reben untuk membezakan dengan pemain-pemain lain.

- 4.4.2. Maksimum dua (2) pemain profesional dibenarkan berada di atas padang bagi setiap perlawanan. Pemain profesional ditakrifkan sebagai pemain yang sedang atau pernah didaftarkan sebagai pemain profesional dalam tempoh dua (2) tahun sebelum tarikh pertandingan di bawah mana-mana kelab yang bertanding dalam **Liga Futsal Kebangsaan**.
- 4.4.3. SUKMA tidak dikira sebagai acara profesional.
- 4.4.4. Sebarang pertikaian berhubung status pemain profesional akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 dan keputusannya adalah muktamad.
- 4.5. Hanya individu yang berdaftar terdiri daripada pemain, Pengurus Pasukan, Jurulatih dan pegawai perubatan dan/atau fisioterapi (jika didaftarkan) dibenarkan berada di kawasan teknikal. Penyokong hendaklah berada di kawasan yang disediakan.
- 4.6. Setiap Agensi hanya boleh menghantar satu pasukan yang mengandungi 12 orang pemain termasuk pemain simpanan.
- 4.7. Hanya pemain yang layak dan berdaftar sahaja dibenarkan bermain.
- 4.8. Setiap pasukan hendaklah memulakan dan meneruskan perlawanan dengan lima (5) orang pemain di dalam gelanggang, termasuk seorang (1) penjaga gol.
- 4.9. Bilangan minimum pemain bagi sesuatu pasukan untuk memulakan atau meneruskan sesuatu perlawanan ialah tiga (3) orang pemain. Sekiranya bilangan

pemain kurang daripada tiga (3) orang, Pengadil hendaklah memberhentikan perlawanan dan mengemukakan laporan kepada Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 untuk tindakan selanjutnya.

- 4.10. Bilangan pemain-pemain gantian untuk setiap perlawanan ialah tujuh (7) orang.
- 4.11. Seorang pemain yang telah diganti boleh masuk semula bermain sebagai pengganti kepada pemain lain.
- 4.12. Sekiranya kedua-dua pasukan gagal memenuhi bilangan minimum pemain untuk memulakan perlawanan, Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak mengambil tindakan yang difikirkan sesuai mengikut Peraturan Am PSKK 2026.

5. FORMAT PERTANDINGAN

- 5.1. Format pertandingan hendaklah mengikut Peraturan Am PSKK 2026, Perkara 11.0 (Pertandingan) dan jadual pertandingan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 5.2. Dua (2) agensi akan diberikan status pilihan (seeded) berdasarkan keputusan Divisyen 1 Pertandingan Bola Sepak PSKK Ke-46 Tahun 2024 dan akan ditempatkan dalam kumpulan yang berbeza semasa undian peringkat kumpulan.
- 5.3. Umur pemain veteran adalah sebagaimana perkara 4.1.3 Peraturan Am Pesta Sukan Kementerian Kewangan Ke-47, 2026.
- 5.4. *WALK-OVER* adalah tidak dibenarkan kecuali kerana kecederaan atau sebab lain tertakluk kepada budi bicara Ketua Pengadil. Jika mana-mana pasukan memberi

kemenangan *WALK-OVER*, kategori tersebut akan dimenangi oleh pihak lawan sama ada sebelum atau selepas permainan dimulakan.

5.4.1. Mana-mana pasukan yang memberikan kemenangan percuma (*Walkover*) tanpa sebab yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 akan dianggap kalah dengan keputusan 3-0 atau keputusan sebenar sekiranya jaringan pihak lawan adalah lebih tinggi. Jawatankuasa berhak mengambil tindakan lanjut sekiranya perlu.

5.5. Pengurus atau Ketua Pasukan hendaklah mengemukakan senarai pemain kepada Ketua Pengadil 30 minit sebelum setiap perlawanan bermula.

5.6. Pertukaran nama pemain selepas penyerahan senarai susunan permainan tidak akan dilayan.

5.7. Semua perlawanan hendaklah berjalan sebagaimana dijadualkan. Permohonan untuk penangguhan tidak akan dilayan kecuali atas sebab-sebab yang telah dinyatakan.

6. PERALATAN

6.1. Pertandingan akan menggunakan gelanggang Futsal bersaiz FIFA bagi kategori lelaki manakala kategori wanita akan menggunakan gelanggang futsal bersaiz standard (biasa).

6.2. Semua peralatan pertandingan hendaklah mematuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh Undang-Undang FAM dan FIFA.

- 6.3. Hanya bola rasmi yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 boleh digunakan sepanjang pertandingan - **Molten Futsal Vantaggio 4800**.
- 6.4. Sebarang kerosakan atau ketidakselamatan terhadap peralatan pertandingan hendaklah dimaklumkan dengan segera kepada Pegawai Teknikal sebelum atau semasa pertandingan berlangsung.
- 6.5. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak menggantikan atau menukar mana-mana peralatan pertandingan sekiranya didapati tidak sesuai atau tidak memenuhi keperluan pertandingan.

7. WAKTU PERLAWANAN DAN PENANGGUHAN PERTANDINGAN

- 7.1. Semua perlawanan hendaklah dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 7.2. Semua pemain hendaklah melaporkan diri kepada pegawai pertandingan sekurang-kurangnya tiga puluh (30) minit sebelum waktu perlawanan yang dijadualkan.
- 7.3. Mana-mana pemain atau pasukan yang gagal melaporkan diri mengikut masa yang ditetapkan boleh dianggap gagal hadir dan tindakan lanjut hendaklah diambil mengikut Peraturan Pertandingan ini serta keputusan Ketua Pengadil.
- 7.4. Semua pasukan hendaklah bersedia untuk memulakan perlawanan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026

berhak memulakan perlawanan lebih awal atau lewat daripada jadual yang ditetapkan sekiranya keadaan memerlukan.

- 7.5. Sekiranya sesuatu perlawanan tidak dapat diteruskan akibat kegagalan hadir atau sebab-sebab lain yang dibenarkan di bawah Peraturan Pertandingan ini, keputusan hendaklah dibuat oleh Ketua Pengadil.
- 7.6. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak menangguhkan, memberhentikan atau menjadualkan semula sesuatu perlawanan sekiranya berlaku keadaan yang boleh menjejaskan kelancaran atau keselamatan pertandingan, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerosakan peralatan, gangguan teknikal, bencana, cuaca, arahan pihak berkuasa atau keadaan luar jangka yang lain.
- 7.7. Sebarang perubahan terhadap jadual pertandingan hendaklah dimaklumkan kepada semua agensi secepat mungkin.
- 7.8. Bagi Kategori Lelaki;
 - 7.8.1. Masa perlawanan bagi peringkat pusingan awal hingga perlawanan Akhir ialah dua puluh (20) minit X tujuh (7) minit X dua puluh (20) minit *running time*.
 - 7.8.2. Setiap pasukan berhak meminta satu perhentian masa (*time-out*) disetiap separuh masa dengan peraturan berikut:-
 - 7.8.2.1. Pengurus / Jurulatih pasukan meminta masa (*time-out*) satu minit dari penjaga masa pada bila-bila masa (satu setiap

separuh masa) dengan syarat apabila bola di dalam kawalan pasukannya;

7.8.2.2. Penjaga masa akan memberi isyarat perhentian masa dengan meniup wisel atau seumpamanya;

7.8.2.3. Pemain tidak dibenarkan keluar gelanggang manakala pegawai yang memberi arahan tidak dibenarkan memasuki gelanggang. Arahan hendaklah dilakukan di garisan tepi gelanggang; dan

7.8.2.4. Pasukan yang tidak meminta perhentian masa di separuh masa pertama tidak boleh membawa perhentian masa itu ke separuh masa kedua.

7.8.3. Rehat pada separuh masa tidak melebihi tujuh (7) minit (tertakluk kepada faktor semasa).

7.8.4. Pasukan yang dijadualkan untuk bermain mestilah berada di gelanggang lima (5) minit sebelum perlawanan dimulakan.

7.8.5. Pengurus / Ketua Pasukan hendaklah menyerahkan senarai nama pemain kepada pengadil / pegawai pertandingan tiga puluh (30) minit sebelum perlawanan dimulakan.

7.8.6. Pasukan yang gagal hadir di gelanggang pada masa yang ditetapkan akan diberikan masa tambahan lima (5) minit. Jika masih gagal,

kemenangan percuma akan diberikan kepada pasukan lawan dengan kiraan jaringan 3-0.

7.8.7. Setiap pasukan yang bertanding, akan diberi masa untuk memanaskan badan selama sepuluh (10) minit (bergantung kepada pengadil dan faktor semasa) sebelum waktu perlawanan bermula.

7.8.8. Semua pasukan DILARANG memberi kemenangan percuma. KONVENOR FUTSAL PSKK 2026 akan melaporkan kepada Ketua Jabatan / Agensi yang berkenaan untuk diambil tindakan seterusnya.

7.9. Bagi kategori Wanita;

7.9.1. Masa perlawanan bagi peringkat pusingan awal hingga perlawanan Akhir ialah lima belas (15) minit X lima (5) minit X lima belas (15) minit *running time*.

7.9.2. Setiap pasukan berhak meminta satu perhentian masa (time-out) disetiap separuh masa dengan peraturan berikut:-

7.9.2.1. Pengurus / Jurulatih pasukan meminta masa (time-out) satu minit dari penjaga masa pada bila-bila masa (satu setiap separuh masa) dengan syarat apabila bola di dalam kawalan pasukannya;

7.9.2.2. Penjaga masa akan memberi isyarat perhentian masa dengan meniup wisel atau seumpamanya;

- 7.9.2.3. Pemain tidak dibenarkan keluar gelanggang manakala pegawai yang memberi arahan tidak dibenarkan memasuki gelanggang. Arahan hendaklah dilakukan di garisan tepi gelanggang; dan
- 7.9.2.4. Pasukan yang tidak meminta perhentian masa di separuh masa pertama tidak boleh membawa perhentian masa itu ke separuh masa kedua.
- 7.9.3. Rehat pada separuh masa tidak melebihi lima (5) minit (tertakluk kepada faktor semasa).
- 7.9.4. Pasukan yang dijadualkan untuk bermain mestilah berada di gelanggang lima (5) minit sebelum perlawanan dimulakan.
- 7.9.5. Pengurus / Ketua Pasukan hendaklah menyerahkan senarai nama pemain kepada pengadil / pegawai pertandingan tiga puluh (30) minit sebelum perlawanan dimulakan.
- 7.9.6. Pasukan yang gagal hadir di gelanggang pada masa yang ditetapkan akan diberikan masa tambahan lima (5) minit. Jika masih gagal, kemenangan percuma diberikan kepada pasukan lawan dengan kiraan jaringan 3-0.
- 7.9.7. Setiap pasukan yang bertanding, akan diberi masa untuk memanaskan badan selama sepuluh (10) minit (bergantung kepada pengadil dan faktor semasa) sebelum waktu perlawanan bermula.

- 7.10. Seorang Pengurus Pasukan atau Jurulatih dibenarkan berada di kawasan teknikal semasa perlawanan berlangsung dengan memakai pakaian sukan yang sesuai.
- 7.11. Jadual pertandingan akan diberikan kepada semua pasukan bertanding sebelum tarikh pertandingan. Jika terdapat sebarang pindaan atau pertukaran terhadap jadual pertandingan, pihak urus setia akan memaklumkan perkara tersebut kepada Pengurus Pasukan atau Jurulatih.
- 7.12. Penangguhan perlawanan hanya boleh dibuat sekiranya berlaku keadaan yang tidak mengizinkan, masalah teknikal, faktor keselamatan atau perkara-perkara luar jangka berdasarkan keputusan Pengadil dengan persetujuan Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 7.13. Sekiranya sesuatu perlawanan diberhentikan sebelum tamat akibat keadaan luar jangka, tindakan selanjutnya akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berdasarkan laporan Pengadil.
- 7.14. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 akan memutuskan kedudukan perlawanan yang ditangguhkan dan tidak dapat diteruskan atas sebab-sebab tertentu, berdasarkan pertimbangan berikut:-
 - 7.14.1. Jika perlawanan dihentikan dalam separuh masa pertama, keputusan ditentukan dengan tendangan penalti, tanpa mengambil kira jaringan yang diperolehi oleh kedua-dua pasukan;
 - 7.14.2. Jika perlawanan dihentikan dalam separuh masa kedua, pasukan yang mempunyai lebih jaringan gol dikira pemenang. Jika pasukan terikat dengan kedudukan seri, perlawanan ditentukan dengan tendangan penalti.

8. PEGAWAI TEKNIKAL

- 8.1. Semua Pegawai Teknikal pertandingan hendaklah dilantik oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 dengan kerjasama Persatuan Bolasepak Selangor.
- 8.2. Pegawai Teknikal hendaklah menjalankan tugas mengikut Undang-undang FIFA, peraturan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) yang sedang berkuat kuasa serta Peraturan Am PSKK 2026.
- 8.3. Semua pemain, Pengurus Pasukan dan Jurulatih hendaklah mematuhi arahan serta keputusan Pegawai Teknikal sepanjang pertandingan berlangsung.
- 8.4. Keputusan Pegawai Teknikal berkaitan pengendalian sesuatu perlawanan adalah muktamad, tertakluk kepada peruntukan rayuan yang ditetapkan dalam Peraturan Am PSKK 2026, jika berkenaan.

9. SISTEM PERTANDINGAN DAN PERATURAN TEKNIKAL

- 9.1. Sistem kiraan mata yang digunakan bagi menentukan pemenang kumpulan adalah seperti berikut:-

Menang	3 Mata
Seri	1 Mata
Kalah	0 Mata

- 9.2. Kiraan mata adalah berdasarkan Perenggan 9.1 di atas. Dalam keadaan di mana terdapat pasukan yang menarik diri atau disingkirkan daripada pertandingan, segala mata yang diperoleh serta jaringan gol dalam perlawanan yang melibatkan pasukan tersebut tidak akan diambil kira.

- 9.3. Sekiranya dua (2) atau lebih pasukan memperoleh jumlah mata yang sama pada akhir peringkat kumpulan, kedudukan akan ditentukan mengikut turutan berikut:

9.3.1. Perbezaan terbanyak di antara jumlah jaringan dan jumlah dibolosi;

9.3.2. Jumlah jaringan terbanyak;

9.3.3. Jumlah jaringan kena terendah (bolos);

9.3.4. Pasukan yang menang dalam pertemuan terdahulu;

9.3.5. Tiga (3) sepakan penalti bagi setiap pasukan;

9.3.6. Sepakan penalti 'Sudden Death'; dan

9.3.7. Jika keadaan yang tidak mengizinkan dan sepakan penalti tidak dapat dibuat, maka keputusan akan dibuat dengan lambungan duit syiling.

9.4. Sistem Kalah Singkir

9.4.1. Jika keputusan berakhir dengan seri selepas tamat masa perlawanan sebenar pada peringkat suku akhir / separuh akhir / akhir, pemenang akan ditentukan mengikut susunan berikut:-

9.4.1.1. Masa tambahan selama 3 minit setiap separuh masa akan diberikan (3 minit x 1 minit x 3 minit);

9.4.1.2. Tiga (3) sepakan penalti bagi setiap pasukan;

9.4.1.3. Sepakan penalti 'Sudden Death'; dan

9.4.1.4. Jika keadaan yang tidak mengizinkan dan sepakan penalti tidak dapat dibuat, maka keputusan akan dibuat dengan lambungan duit syiling.

9.5. Pemain adalah melakukan kesalahan dalam mana-mana keadaan berikut:-

9.5.1. Menendang atau cuba menendang pemain lawan;

9.5.2. Membentes pemain lawan secara keras;

- 9.5.3. Merempuh / menolak pemain lawan secara bahaya;
 - 9.5.4. Memukul / cuba memukul / meludah pemain;
 - 9.5.5. Menggelungsur (sliding tackle) secara keras;
 - 9.5.6. Memegang, menampar atau mengawal bola dengan tangan (kecuali penjaga gol);
 - 9.5.7. Lain-lain kesalahan yang dikesan oleh pengadil;
 - 9.5.8. Pemain hendaklah dihukum dengan sepakan percuma oleh pihak lawan dari tempat kesalahan berlaku. Sekiranya kesalahan tersebut berlaku di kawasan penalti, pemain boleh dihukum dengan satu sepakan penalti.
 - 9.5.9. 5 kali kesalahan (Merangkumi kesalahan-kesalahan seperti di atas); Pasukan / pemain yang melakukan kesalahan sebanyak 5 kali semasa tempoh perlawanan, secara automatiknya akan dikenakan hukuman sepakan penalti.
- 9.6. Penjaga gol adalah melakukan kesalahan dalam mana-mana keadaan berikut:-
- 9.6.1. Menyentuh atau mengawal bola dengan tangan hantaran bola oleh rakan sepasukan kepadanya;
 - 9.6.2. Memegang atau mengawal bola dengan tangan dari sepakan ke dalam oleh rakan sepasukannya;

- 9.6.3. Menyentuh atau mengawal bola dengan tangan, kaki atau mana- mana bahagian badan melebihi 4 saat; Penjaga gol hendaklah dihukum dengan sepakan percuma terus oleh pihak lawan dari tempat kesalahan berlaku.
- 9.6.4. Penjaga gol tidak dibenarkan menerima hantaran semula daripada rakan sepasukan lebih daripada sekali dalam penguasaan bola yang sama di kawasan permainan pasukannya.
- 9.6.5. Penjaga gol hanya dibenarkan menerima semula hantaran daripada rakan sepasukan selepas:
 - 9.6.5.1. bola telah dimainkan atau disentuh oleh pihak lawan; atau
 - 9.6.5.2. bola telah melepasi garisan tengah gelanggang.
- 9.6.6. Sekiranya penjaga gol melanggar peraturan ini, pasukan lawan hendaklah diberikan sepakan percuma tidak langsung (Indirect Free Kick) dari tempat kesalahan dilakukan, tertakluk kepada Undang-undang Permainan Futsal FIFA/WDF yang berkuat kuasa.
- 9.7. Pemain yang menerima dua (2) kad kuning dalam satu perlawanan tidak akan dibenarkan bermain dalam satu perlawanan berikutnya.
- 9.8. Pemain yang menerima satu (1) kad merah;

- 9.8.1. atas sebab menyerang / memaki pengadil, akan digantung permainan dan tidak akan dibenarkan bermain dalam kesemua perlawanan berikutnya;
- 9.8.2. atas sebab selain dari perkara 9.8.1 di atas, tidak akan dibenarkan bermain dalam satu perlawanan berikutnya.
- 9.8.3. atas sebab menyerang / membahayakan pemain lain, akan digantung permainan dan tidak akan dibenarkan bermain dalam kesemua perlawanan berikutnya (bergantung keputusan perbincangan wakil pengadil dan Jawatankuasa permainan).
- 9.8.4. Keputusan untuk 9.8.3 adalah diambil kira berdasarkan:-
 - 9.8.4.1. Potensi pemain tersebut untuk membahayakan pemain lawan dalam perlawanan berikutnya ; atau
 - 9.8.4.2. Menerima satu (1) kad merah dalam dua (2) perlawanan.
- 9.9. Mana-mana Pengurus Pasukan, Jurulatih atau pemain yang melakukan kesalahan di luar gelanggang semasa pasukannya sedang bermain adalah dianggap melakukan kesalahan semasa perlawanan dan boleh dikenakan tindakan tatatertib oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 9.10. Hukuman kad kuning adalah dibawa sehingga tamat pertandingan (*carry forward*).

- 9.11. Semua prosedur permainan yang tidak dinyatakan secara khusus di dalam Peraturan Pertandingan ini hendaklah mengikut **Undang-Undang Permainan Futsal** yang sedang berkuat kuasa.

10. PAKAIAN PERTANDINGAN

10.1. Jersi dan Peralatan Pemain

- 10.1.1. Setiap pasukan hendaklah memastikan semua pemain memakai jersi, seluar, stoking, pelindung tulang kering dan kasut yang mematuhi **Undang-Undang Permainan Futsal** yang dikeluarkan oleh **Fédération Internationale de Football Association (FIFA)**.
- 10.1.2. Warna jersi kedua-dua pasukan yang bertanding hendaklah berbeza dengan jelas. Sekiranya Jawatankuasa Pengelola atau Pengadil berpendapat warna jersi adalah mengelirukan, pasukan yang dinamakan sebagai pasukan pelawat hendaklah menukar jersi kepada warna alternatif.
- 10.1.3. Jersi penjaga gol hendaklah mempunyai warna yang berlainan daripada pemain-pemain lain. Warna jersi penjaga gol utama dan warna jersi penjaga gol simpanan hendaklah sama tetapi dengan nombor jersi yang berlainan.
- 10.1.4. Setiap pasukan hendaklah menyediakan dua (2) set jersi (*Home & Away*) yang berlainan warna dan bernombor.

- 10.1.5. Semua pemain dilarang memakai barang kemas, jam tangan atau sebarang peralatan yang boleh membahayakan diri sendiri atau pemain lain semasa perlawanan.
- 10.1.6. Pengadil berhak mengarahkan mana-mana pemain menanggalkan atau menggantikan peralatan yang didapati tidak mematuhi **Undang-Undang Permainan Futsal**.
- 10.1.7. Penggunaan sebarang alat komunikasi elektronik oleh pemain semasa perlawanan adalah tidak dibenarkan kecuali peralatan yang diluluskan oleh Pengadil atau Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 10.1.8. Penggunaan pelindung lutut, pelindung siku atau peralatan perlindungan lain adalah dibenarkan dengan syarat peralatan tersebut tidak membahayakan pemain lain dan mematuhi **Undang-Undang Permainan Futsal**.
- 10.2. Nombor Jersey
 - 10.2.1. Setiap pemain hendaklah memakai nombor jersey yang didaftarkan secara rasmi oleh pasukannya.
 - 10.2.2. Nombor jersey yang dibenarkan adalah daripada 1 hingga 99.
 - 10.2.3. Tiada dua (2) orang pemain daripada pasukan yang sama dibenarkan memakai nombor jersey yang sama sepanjang perlawanan.
 - 10.2.4. Nombor jersey yang telah didaftarkan (sebelum perlawanan) hendaklah dikekalkan sepanjang tempoh pertandingan, melainkan mendapat

kelulusan bertulis daripada Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

- 10.2.5. Nombor jersi hendaklah dipamerkan dengan jelas pada bahagian belakang jersi dan mempunyai warna yang kontras dengan warna jersi bagi memastikan ia mudah dikenal pasti oleh pengadil, pegawai perlawanan dan penonton.
- 10.2.6. Mana-mana pasukan yang gagal mematuhi peruntukan fasal ini boleh dikenakan tindakan tatatertib oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

10.3. Nama Pemain Pada Jersi

- 10.3.1. Penggunaan nama pemain pada bahagian belakang jersi adalah dibenarkan tetapi tidak diwajibkan.
- 10.3.2. Sekiranya nama pemain dipaparkan, nama tersebut hendaklah bersesuaian, tidak mengandungi unsur lucah, menghina, berbau politik, perkauman, keagamaan atau apa-apa perkataan yang boleh menjejaskan imej pertandingan.
- 10.3.3. Jawatankuasa Pengelola Pertandingan berhak mengarahkan mana-mana pasukan untuk menukar atau menanggalkan nama pada jersi yang didapati tidak mematuhi peraturan ini sebelum sesuatu perlawanan dimulakan.

- 10.4. Sekiranya seorang pemain menggantikan penjaga gol, Pengurus pasukan hendaklah memaklumkan nombor jersi pemain tersebut kepada Konvenor.

- 10.5. Jika kedua-dua pasukan memakai jersi yang sama warnanya, pasukan yang namanya mula-mula tercatat di dalam Jadual Pertandingan hendaklah menukar jersi kepada warna yang berlainan atau memakai bip yang disediakan.
- 10.6. Pemain yang memakai '*Tight*' atau '*Thermal*' atau '*Body Fit*' hendaklah bersamaan warna utama seluar dan warna lengan baju atau warna hitam dan setiap pemain wajib untuk memakai warna yang seragam.

11. SYARAT PERTANDINGAN

- 11.1. Hanya pemain yang berdaftar dan disahkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 layak mengambil bahagian dalam pertandingan.
- 11.2. Pemain hanya dibenarkan mengambil bahagian dalam kategori yang telah didaftarkan dan diluluskan.
- 11.3. Semua pemain hendaklah bersedia untuk bermain apabila dipanggil oleh Pegawai Teknikal atau Ketua Pengadil.
- 11.4. Semua pemain hendaklah mematuhi arahan Pegawai Teknikal sepanjang pertandingan berlangsung.
- 11.5. Semua pemain bertanggungjawab memastikan mereka berada dalam keadaan sihat dan cergas sebelum mengambil bahagian dalam pertandingan.

12. KESALAHAN & DENDA

- 12.1. Semua pemain, Pengurus Pasukan dan Jurulatih hendaklah mematuhi Peraturan Pertandingan ini, Peraturan Am PSKK 2026 serta arahan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 12.2. Mana-mana agensi yang didapati mengemukakan maklumat palsu atau menggunakan pemain yang tidak layak boleh dikenakan tindakan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 12.3. Sebarang salah laku atau tindakan yang berlaku semasa sesuatu perlawanan hendaklah dikendalikan mengikut Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) / Bola sepak oleh Federation Internationale de Football Association (FIFA) keputusan Ketua Pengadil.
- 12.4. Mana-mana pemain, Pengurus Pasukan atau Jurulatih yang menunjukkan tingkah laku tidak beretika, tidak berhemah atau menjejaskan kelancaran pertandingan boleh dikenakan tindakan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 12.5. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak mengambil tindakan yang bersesuaian berdasarkan tahap kesalahan yang dilakukan, selaras dengan Peraturan Am PSKK 2026.

13. PERTUKARAN PEMAIN

- 13.1. Pertukaran pemain adalah secara berganti-ganti (*rolling substitution*) mengikut Undang-Undang Permainan Futsal yang sedang berkuat kuasa.
- 13.2. Pertukaran pemain boleh dilakukan pada bila-bila masa semasa perlawanan berlangsung dengan syarat prosedur pertukaran pemain dipatuhi sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Undang-Undang Permainan Futsal.
- 13.3. Pemain yang digantikan dibenarkan bermain semula dalam perlawanan yang sama mengikut prosedur pertukaran pemain yang ditetapkan.
- 13.4. Semua pertukaran pemain hendaklah dibuat melalui kawasan pertukaran (*substitution zone*) yang ditetapkan.
- 13.5. Pemain gantian hanya dibenarkan memasuki gelanggang selepas pemain yang digantikan telah keluar sepenuhnya dari gelanggang melalui kawasan pertukaran.
- 13.6. Sebarang pelanggaran terhadap prosedur pertukaran pemain akan dikenakan tindakan mengikut **Undang-Undang Permainan Futsal**.

13.7. Peraturan apabila gantian pemain dibuat:-

13.7.1. Pemain yang diganti hendaklah keluar melintasi garisan tepi gelanggang;

13.7.2. Pemain gantian yang akan masuk ke gelanggang hendaklah berada di garisan tepi gelanggang semasa menunggu sehingga pemain yang diganti itu keluar.

13.8. Penjaga gol boleh bertukar posisi dengan mana-mana pemain lain dengan syarat mendapat kebenaran pengadil.

14. HAK JAWATANKUASA PERTANDINGAN

14.1. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 akan menjalankan undian perlawanan mengikut amalan dan format undang-undang FAM yang terpakai.

14.2. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 adalah berhak mengambil / membuat sebarang keputusan jika timbul sesuatu kemusykilan / masalah dalam kejohanan ini yang tidak tercatat dalam Peraturan Pertandingan ini dan keputusan yang diambil adalah muktamad.

15. KESELAMATAN

15.1. Pihak penganjur menyediakan perkhidmatan ambulans dan paramedik di tempat pertandingan bagi sebarang kecederaan atau kecemasan yang berlaku ketika pertandingan berlangsung.

- 15.2. Semua pemain, pegawai pasukan dan peserta hendaklah mematuhi arahan Pegawai Teknikal, petugas pertandingan serta pihak keselamatan sepanjang pertandingan berlangsung.
- 15.3. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak menangguhkan, memberhentikan atau membatalkan sesuatu perlawanan sekiranya keadaan didapati boleh menjejaskan keselamatan pemain, pegawai atau orang awam.
- 15.4. Semua peserta bertanggungjawab memastikan keadaan fizikal masing-masing sesuai untuk mengambil bahagian dalam pertandingan serta mematuhi semua keperluan keselamatan yang ditetapkan.

16. PERKARA-PERKARA LAIN

- 16.1. Semasa permainan berlangsung, pemain tidak dibenarkan meninggalkan padang tanpa kebenaran pengadil.
- 16.2. Jawatankuasa Pengelola tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan harta benda, kecederaan atau kemalangan yang menimpa pemain / pasukan yang mengambil bahagian sepanjang kejohanan ini diadakan.
- 16.3. Semua peserta hendaklah menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi selain dari mengekalkan nilai-nilai murni bagi memastikan perjalanan pertandingan PSKK 2026 dilaksanakan dengan baik.